

TARIKH : 5/5/2023  
SURAT KHABAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 14

**Nasional**  
JUMAAT 5 MEI 2023 • SINAR HARIAN

ms 14

## 'Terima kasih Perkeso bawa semangat baru'

**KOTA BHARU** - Kesedihan keluarga yang kehilangan ketua keluarga akibat kemalangan pada hari kedua Aidilfitri lalu, sedikit terubat apabila menerima kunjungan Skuad Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Prihatin di kediaman mereka di Kampung Pulau Melaka di sini, pada Rabu.

Kasmara Kadir, 48, iaitu balu kepada pemandu bas ekspres, Nik Nordin Jusof, 51, menerima Faedah Pengurusan Mayat berjumlah RM2,000 yang disampaikan oleh Pengarah Perkeso Kelantan, Nora Yaacob.

Menurut Kasmara, suaminya terlibat dalam kemalangan di Kilometer 21.8, Jalan Kuala Terengganu-Kota Bharu berhampiran kampung Sungai Ikan Kuala Nerus pada 21 April lalu sebelum disahkan meninggal dunia pada 23 April ketika menerima rawatan di Hospital Sultanah Nurzahirah, Kuala Terengganu.

Kemalangan tersebut turut meragut nyawa pasangan suami isteri yang menaiki kereta Perodua Myvi.

Kasmara yang mempunyai lima anak berumur antara 13 hingga 28 tahun, berkata sambutan Aidilfitri kali ini amat suram kerana di saat orang lain sedang bergembira, keluarganya pula dalam keadaan berduka.

"Kami sekeluarga melahirkan kesyukuran dan berterima kasih pada pihak Perkeso Kelantan yang sudi hadir ke rumah membawa berita baik dan semangat baru buat kami sekeluarga," katanya.

Sementara itu, Nora berkata, kunjungan prihatin pihaknya itu sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban keluarga Kasmara dalam meneruskan hidup tanpa ketua keluarga. - Bernama



Kasmara menunjukkan foto kenangan bersama Allahyarham suaminya.